

Kelonggaran syarat doktor kontrak tidak munasabah



Jefrizal (duduk, kiri) bersama sebahagian ahli Pemuda yang mengadakan bazaar raya ke rumah salah seorang pemimpin.

BANTING - Keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi kelonggaran 'lulus BM' tanpa perlu kredit bagi syarat pengambilan kontrak latihan pegawai perubahan siswazah bagi tempoh dua tahun dianggap tidak munasabah.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Jefrizal Mohd Jaafar berkata, keputusan itu dianggap pencabulan kepada kedaulatan bahasa Melayu yang terpelihara sejak kukuh dalam perlembagaan.

"Sayangnya, bahasa Melayu adalah keistimewaan dan ia termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta 32 Bahasa Kebangsaan 1963/67. Inilah ciri-ciri atau sifat 'bangsa Malaysia' yang perlu ada pada setiap warganegara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* selepas mengadakan Bazaar Raya Pemuda ke rumah pemimpin Umno, Datuk Nordin Selamat di rumahnya di Kampung Medan, di sini.

Jefrizal berkata, kedaulatan bahasa Melayu mes-

ti dipertahankan sama seperti kedudukan Raja-Raja Melayu, agama Islam dan keistimewaan bangsa Melayu.

"Meletakkan syarat kredit pada bahasa Melayu bagi pengambilan kerja bidang perubatan selama ini adalah penghormatan kepada bahasa Melayu sejauh dengan Perkara 152 dan Akta 32 disebut terdahulu di atas dan ini bukan sahaja berlaku di KKM tetapi seluruh kementerian lain."

"Sebagai contoh, dalam mahkamah juga telah disyaratkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa mahkamah namun bolehlah meminta izin menggunakan bahasa lain dengan penterjemah disediakan. Tetapi tidak sedikit pun syarat bahasa Melayu sebagai bahasa utama disentuh dalam sistem hukum Malaysia," katanya.

Menurutnya, perkara berkenaan perlu dapat dilihat secara khusus oleh jemaah menteri dalam kabinet negara.

Dalam pada itu, Jefrizal berkata, pada tahun ini, beliau turut mengaktifkan Bazaar Raya Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat ke beberapa buah rumah pemimpin setempat sebagai usaha mengendalikan hubungan antara masyarakat selain mengaktifkan konsep barisan dalam kalangan generasi muda.

Sinar Harian – Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, sikap sambil lewa kerajaan persekutuan menyekat dan mengawal kemusnahan Pati menyebabkan majikan tidak mempercayai mana-mana

program kerajaan yang dikatakan mampu memuthukkan status Pati kepada pekerja bertaraf sah.

"Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Seri Mustafar Ali dalam kenyataannya berkata 25 peratus daripada sasaran 600,000 Pati yang membuat permohonan E-Kad.

"Beliau kata majikan tidak mengambil peluang atau masih berdegil untuk mendafarkan Pati secara selain beranggapan pendafaran pada saat-saat akhir iaitu pada 30 Jun lepas berkenaan akan dilanjutkan lagi tempohnya," katanya.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, sikap sambil lewa kerajaan persekutuan menyekat dan mengawal kemusnahan Pati menyebabkan majikan tidak mempercayai mana-mana



ABDULLAH SANI
mengulas penamat sistem E-Kad.

Menurutnya, Jabatan Imigresen yang giat menjalankan operasi mengusir

Pati serta merasmikan tindakan undang-undang kepada majikan yang gagal mengiktui peraturan permuhibatan tangkap secara konsisten tanpa ada sebarang gejala rasuah mahupun pilih kasih.

"Sudah tiba masa yang untuk kerajaan dan majikan tempatan bekerjasama membiasai Pati diri egara ini selain menguatkuaskan polisi pemerkasaan yang membantu rakyat tempatan untuk bekerja di sektor yang kini dikuasai pekerja asing.

"Bagi saya, kenaikan gaji minima adalah penting untuk menarik minat rakyat untuk

bekerja dan pada masa yang sama mampu membayai kos sara hidup," katanya.

Pengerusi Biro Pekerja Parti Keadilan Rakyat itu turut berpendapat kerajaan tidak seharusnya menjadikan kutipan levi dan permit sebagai pendapatan yang lumayan kerana faktor inflasi yang menjadikan kerajaan cukup selesa membawa masuk pekerja asing secara berama-ramai tanpa memikirkan nasib rakyat yang mendambakan pekerjaan.

"Pengangguran sekangrang mencatatkan lebih setengah juta orang kita patut mengharapkan majikan lebih mengutamakan pekerjaan kepada rakyat tempatan, serta penawaran gaji yang lebih baik."

"Penggunaan teknologi juga perlu dititikberatkan dalam mengurangkan kebergantungan pekerja asing terutama dalam sektor pembinaan dan pemberisihan."

"Pelbagai program dilaksanakan untuk pekerja asing melibatkan peruntukan sejumlah wang rakyat yang banyak tetapi akhirnya masalah ini berlutan sehingga tarikh tamat tempoh sebahagian program tersebut terpaksa dilanjutkan," katanya.

PPK Kuala Langat fokus dua projek

BANTING - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat kini komited membuat perancangan teliti dengan memfokuskan dua projek untuk manfaat ahlinya.

Pengerusi Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shamsudin berkata, dua projek terbabit ialah fertigasi membabitan cili, melon dan timun serta ternakan lembu sejak 2010 lagi.

"Fokus ini dibuat untuk memastikan PPK Kuala Langat menjadi juara bagi kedua-dua projek ini dan juga memudahkan pengurusan sebuah skop kerjanya telah difokuskan."

"Melaini fokus projek pihak PPK mula bekerjasama dengan ahli sekutu yang mempunyai bidang yang sama dengan fokus tadi dan akhirnya lahirlah pasukan pengurusan baru yang terdiri daripada AJP, ahli yang mahir dan pengurus projek yang terlatih di bidang fokus ini," katanya.

Dalam keadaan sistem tersebut, PPK Kuala Langat mula mempromosikan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dan agensi mengenai kewujudan dan projek berserta sistem pengurusan dan antara kesan termasuk LPP telah membayar modal pinjaman projek ternakan lembu sebanyak RM1 juta dari 2010 hingga 2017 dan bagi pemasaran untuk lembu korban hampir 150 ekor.

"Manakala Agrobank membantu projek peserta di RM5 juta per-serta tersebut isi borang dan mendapat sokongan PPK dan diluluskan dalam masa tiga hari yang kini seramai 400 orang peserta."

"Dari sinilah manfaat yang diperoleh ahli peladang yang mana PPK menjadi pemudah cara bagi ahli yang terlibat dalam agro makan-an," katanya.

Lebih membanggakan, bila perkara ini tercapai, pimpinan PPK yang membuat perancangan untuk petani akhirnya dipulangkan kepada ahli dari segi dividen dan ruang penglibatan kepada agro makanan di bawah PPK itu sendiri.

"Kita harapkan PPK Kuala Langat terus mempromosikan dua produk ini dan akhirnya rantaian pembekalan sehingga ke pemasaran adalah peratusan besar di bawah PPK," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, baru-baru ini.



SHAMSUDIN

E-Kad memang takkan berjaya

Sikap lewa kerajaan menyebabkan majikan tidak percaya mana-mana program

KUALA LANGAT - Sistem E-Kad sememangnya tidak akan berjaya memandangkan kaum polisi kerja di negara ini tidak mengutamakan gaji minima dan pendapatan melebihi kos sara hidup yang akhirnya menyebabkan majikan mengambil pendapatan asing tanpa izin (Pati) atau dasar kos penggajian yang rendah.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, sikap sambil lewa kerajaan persekutuan menyekat dan mengawal kemusnahan Pati menyebabkan majikan tidak mempercayai mana-mana

program kerajaan yang dikatakan mampu memuthuhkan status Pati kepada pekerja bertaraf sah.

"Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Seri Mustafar Ali dalam kenyataannya berkata 25 peratus daripada sasaran 600,000 Pati yang membuat permohonan E-Kad.

"Beliau kata majikan tidak mengambil peluang atau masih berdegil untuk mendafarkan Pati secara selain beranggapan pendafaran pada saat-saat akhir iaitu pada 30 Jun lepas berkenaan akan dilanjutkan lagi tempohnya," katanya.



ABDULLAH SANI
mengulas penamat sistem E-Kad.

Menurutnya, Jabatan Imigresen yang giat menjalankan operasi mengusir

Pati serta merasmikan tindakan undang-undang kepada majikan yang gagal mengiktui peraturan permuhibatan tangkap secara konsisten tanpa ada sebarang gejala rasuah mahupun pilih kasih.

"Sudah tiba masa yang untuk kerajaan dan majikan tempatan bekerjasama membiasai Pati diri egara ini selain menguatkuaskan polisi pemerkasaan yang membantu rakyat tempatan untuk bekerja di sektor yang kini dikuasai pekerja asing.

"Bagi saya, kenaikan gaji minima adalah penting untuk menarik minat rakyat untuk

bekerja dan pada masa yang sama mampu membayai kos sara hidup," katanya.

Pengerusi Biro Pekerja Parti Keadilan Rakyat itu turut berpendapat kerajaan tidak seharusnya menjadikan kutipan levi dan permit sebagai pendapatan yang lumayan kerana faktor inflasi yang menjadikan kerajaan cukup selesa membawa masuk pekerja asing secara berama-ramai tanpa memikirkan nasib rakyat yang mendambakan pekerjaan.

"Pengangguran sekangrang mencatatkan lebih setengah juta orang kita patut mengharapkan majikan lebih mengutamakan pekerjaan kepada rakyat tempatan, serta penawaran gaji yang lebih baik."

"Penggunaan teknologi juga perlu dititikberatkan dalam mengurangkan kebergantungan pekerja asing terutama dalam sektor pembinaan dan pemberisihan."

"Pelbagai program dilaksanakan untuk pekerja asing melibatkan peruntukan sejumlah wang rakyat yang banyak tetapi akhirnya masalah ini berlutan sehingga tarikh tamat tempoh sebahagian program tersebut terpaksa dilanjutkan," katanya.